

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

**Kementerian/Jabatan:**  
**Jabatan Khidmat Pengurusan**  
**Majlis Perbandaran Klang**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang berminat **Membeli Barang Lusuh dan Perlu Permit (Kod bidang 221902)** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA SIMPANAN
1	<b>Kenderaan Sitaan</b> (Seperti di lampiran A)	<b>100 Unit</b>	
2	<b>Struktur Papan Iklan</b> (Seperti di lampiran B)	<b>10 Unit (Pukal)</b>	
3	<b>Tayar Terpakai</b> (Seperti di lampiran C)	<b>205 Unit</b>	<b>RM 7,050.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b> <b>(100 UNIT KENDERAAN, 10 PUKAL STRUKTUR</b> <b>PAPAN IKLAN &amp; 205 UNIT TAYAR TERPAKAI)</b>			

2. Aset boleh dilihat pada **18 hingga 26 September 2018 (Isnin - Khamis)** jam **9.00 pagi hingga 4:30 petang** di lokasi seperti berikut:

BIL.	KETERANGAN	LOKASI LAWATAN	PEGAWAI BERTUGAS
1.	<b>Kenderaan Sitaan</b> <b>100 Unit</b>	<b>Depoh Tunda Jabatan Penguatkuasa</b>	<b>Jamalullail Bin Ahmad Badri</b> <b>03-3373 8845</b>
2.	<b>Struktur Papan Iklan</b> <b>10 Pukal</b>	<b>Stor Jabatan Penguatkuasa</b>	<b>Pateh Saifuddin Bin Pateh Akhir</b> <b>03-3373 8845</b>
3.	<b>Tayar Terpakai</b> <b>205 Unit</b>	<b>Bahagian Makanikal Jabatan Kejuruteraan</b>	<b>Mohd Fahmi Bin Mohd Yassin</b> <b>03-3373 7071</b>

3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 60 hari. **Deposit hendaklah dijelaskan terlebih dahulu** sebelum mendapatkan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA 25).
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap bersama penyata akaun bank hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda NO. sebutharga MPK 300-8/1/2 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat :-

**Bahagian Pengurusan Aset Alih,  
Jabatan Khidmat Pengurusan (Aras 5),  
Majlis Perbandaran Klang,  
Bangunan Sultan Alam Shah,  
Jalan Perbandaran, 41675 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.**

5. Tarikh tutup sebutharga pada **27 September 2018 jam 12.00 tengahari**. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
6. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Encik Mohd Rafeq Bin Said atau Puan Fatin Nur Atekha Bt Zailani Di talian 03-3375 5555 samb 1256/1231 (Bahagian Pengurusan Aset Alih).

(**HELMEY BIN MOHAMED RASHID**)  
PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN  
b/p: YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KLANG  
14 September 2018

## **SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA PELUPUSAN JUALAN SISA BESI**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Penyebutharga **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak dan menyebutharga bagi kesemua 100 unit kenderaan sitaan, 205 unit Tayar Terpakai dan 10 Unit (Pukal) Struktur Besi tersebut.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sekurang-kurangnya 5% daripada **HARGA TAWARAN SYARIKAT** untuk 100 unit kenderaan sitaan, 205 unit Tayar Terpakai dan 10 Unit (Pukal) Struktur Besi tersebut. Pembayaran perlu dibuat di **Jabatan Kewangan (Tingkat 4)**, Majlis Perbandaran Klang. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk wang tunai/kiriman wang/wang pos/draf bank atau **Cashier's Order** sahaja atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaanya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan dan urusan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya adalah dibawah tanggungjawab pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
9. Deposit sebutharga akan dipulangkan kepada penyebutharga yang tidak berjaya dalam tempoh 14 hari selepas surat setujuterima dikeluarkan.
10. Pembeli perlu mengemukakan Sijil membeli barang lusuh perlu permit (Kod Bidang 221901) serta penyata kewangan bank untuk urusan pemulangan deposit (sekiranya tidak berjaya)